

PENDAHULUAN

Manusia bekerja dan berusaha keras untuk mencari kesenangan dan kesejahteraan hidup.

Sudah menjadi lumrah manusia mendambakan kehidupan yang mewah.

Kebanyakan masyarakat terpaksa berhutang untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman yang melebihi keperluan asas.

Islam menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatyyah dan utamakan sikap qana'ah.

Kisah yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah menggambarkan bahawa dosa orang yang berhutang begitu berat lebih-lebih lagi hutangnya dilipat gandakan dengan riba.

Tabiat hutang ini perlu diperangi kerana kehidupan orang yang berhutang diselubungi keresahan.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

<i>Al-'ariyah</i>	<i>Al-qard</i>
Pemberian satu barangan oleh pemberi pinjam kepada peminjam.	Pinjaman yang melibatkan pemindahan barangan yang boleh dianggarkan dan diganti ikut bilangan.

Hak pemilikan: -Kekal pada pemberi pinjaman.	Orang Arab menyebut <i>salaf</i> - pinjaman yang dibayar balik tanpa syarat keuntungan.
---	---

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM (cont)

-Peminjam tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan kecuali atas kecuaiannya peminjam.

Kesan transaksi:- wujudnya hutang daripada satu pihak ke pihak yang lain.

-Hanya barang yang tidak musnah dan boleh diguna bila dipulangkan.

-Contoh:tidak semestinya dipulangkan dengan benda yang sama.

DEFINISI AL-QARD

Bahasa: al-qat'u (potong)

Istilah: penyerahan suatu barang dengan syarat barang tersebut sama nilai tanpa sebarang tambahan apabila dipulangkan.

Dikategorikan sebagai akad *tabarru'*.

-Kontrak yang berkonsepkan kebajikan.

LARANGAN RIBA

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Terjemahan: Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. (Surah Al-Baqarah:275)

Rasulullah melaknat orang yang memakan riba, menjadi agen, mencatat transaksi dan menjadi saksi.

Dosa melakukan riba adalah berat di sisi Allah SWT.

FATWA PENGHARAMAN RIBA

Semua telah bersepakat bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas semua bentuk pinjaman adalah riba dan haram.

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

Al-qard al-hasan bermaksud pinjaman yang baik.

Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa faedah.

Dalil pensyariaan

Dalam surah *al-Hadid*, ayat 11.

HUKUM AL-QARD AL-HASAN

Sunat.

Harus bila mana dia berhutang untuk kesejahteraan hidup.

Tidak harus memberi pinjam apabila tahu untuk tujuan haram atau maksiat.

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang
2. Penghutang
3. Barang yang dipinjam
4. Sighah

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya.
3. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
4. Mendapatkan keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

INSTRUMEN PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

Telah dilaksanakan di Malaysia untuk meringankan beban golongan yang terdesak.

Prinsip al-qard al-hasan telah digunakan secara meluas dalam ar-rahnu.

Institusi kewangan dan koperasi di Malaysia tawarkan skim pinjaman untuk tunaikan umrah atau haji.



PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

Semua hutang hendaklah ditulis.

Tidak mengenakan sebarang bayaran tambahan kepada peminjam.

Menyelesaikan semua hutang termasuk dalam syarat perwarisan.

Perlu dipulangkan dalam tempoh yang dijanjikan.

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

Institusi zakat mainkan peranan yang besar.

Fungsi: mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi.

Contoh: golongan yang mampu mengeluarkan zakat untuk bantu.

Bantuan tidak diberikan kepada mereka yang berhutang dengan bank kerana mereka mampu untuk bayar balik.

GEJALA CETI HARAM

Aktiviti perniagaan pinjaman wang tanpa lesen yang sah.

Kegiatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Sering dikaitkan dengan keganasan serta kekerasan apabila tidak dapat bayar balik.

Banyak berlaku keruntuhan rumahtangga dan perpecahan keluarga.

Bagi memerangi, kerajaan mengambil tindakan. Contohnya, berhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen.

KESIMPULAN

Islam telah sediakan hamparan kehidupan yang syumul.

Walaupun boleh berhutang, tapi tidak digalakkan kecuali terdesak.

Islam telah syariatkan instrumen pinjaman wang yang tidak membebankan seperti al-qard al-hasan.



By **Nur Fatin Farhanah**

cheatography.com/nur-fatin-farhanah/

Published 17th June, 2020.

Last updated 17th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **ApolloPad.com**

Everyone has a novel in them. Finish Yours!

<https://apollopad.com>